

Peniaga online diperkosa dalam perjalanan dihantar pulang selepas berhibur

Janda dirogol pemandu GrabCar

Oleh NOOR SYAHIDATOO AQMA MOHD. NOOR

SERDANG – Seorang peniaga online yang mahu pulang ke rumah selepas habis berhibur pada hujung minggu dilanda detik hitam dalam hidupnya apabila menjadi mangsa rogol pemandu perkhidmatan GrabCar.

Semasa kejadian pada pukul 4 pagi kelmarin, janda berusia 29 tahun dan mempunyai dua anak menempah perkhidmatan GrabCar untuk pulang ke rumahnya di Bandar Putra Permai, Seri Kemangan di sini selepas berseronok di sebuah pusat hiburan di Petaling Jaya.

Bagaimanapun, ketika menghampiri kawasan rumahnya, mangsa yang mendakwa mabuk dirogol oleh pemandu GrabCar yang berusia 30 tahun dalam kereta Perodua Myvi.

Selepas dirogol, mangsa dihantar pulang oleh pemandu GrabCar berkenaan.

Berikutan kejadian itu, Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Megat Mohd. Aminuddin Megat Alias (**gambar kecil**) berkata, mangsa membuat laporan polis mengenai kejadian menimpa dirinya pada pukul 3 petang pada hari sama.

Menurut beliau, siasatan kemudian membawa kepada penahanan suspek yang bekerja sebagai pemandu GrabCar sepenuh masa.



PERODUA Myvi milik suspek yang didakwa merogol peniaga online.

“Suspek ditahan di rumahnya di Sungai Buloh oleh sepasukan polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah Berat (D9) Ibu Pejabat Polis Daerah Serdang pada pukul 10 malam pada hari sama,” kata beliau dalam satu kenyataan semalam.

Megat Mohd. Aminuddin memberitahu, ketika kejadian, mangsa dipercayai tidak melawan kerana dipercayai mabuk.

“Dalam keadaan mabuk mangsa yang menempah perkhidmatan GrabCar telah dirogol ketika dalam perjalanan pulang,” kata beliau.

Katanya, susulan tangkapan terhadap

suspek, polis merampas sebuah kereta Myvi dan pakaian yang dipakai oleh lelaki itu ketika kejadian rogol berlaku.

“Suspek menjadi pemandu GrabCar enam bulan lalu dan tiada rekod jenayah,” katanya. Katanya, mangsa sudah dihantar ke Hospital Serdang untuk menjalani pemeriksaan lanjut.

Suspek direman selama enam hari bermula semalam bagi membantu siasatan.

Kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksan kerana merogol dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun serta sebatan.

INFO

Kes-kes jenayah membabitkan Uber, GrabCar

7 Jun 2017 - Dua pelajar kolej swasta berusia 24 tahun disamun ketika menggunakan perkhidmatan Uber untuk pulang ke rumah di Taman Desa, Kuala Lumpur dari sebuah pusat hiburan

25 Mei 2017 - Seorang jurujual kosmetik yang menggunakan perkhidmatan Uber disamun pemandu dan seorang lagi lelaki lain yang berada di tempat duduk penumpang di Puchong, Selangor

19 April 2017 - Seorang gadis dicabul dan nyaris dirogol oleh seorang pemandu GrabCar dalam perjalanan dari Cyberjaya menghalu ke Bangi, Selangor

31 Ogos 2016 - Seorang pekerja kilang warga Indonesia kerugian RM2,000 apabila dirompak seorang pemandu Uber dalam kejadian di Bayan Lepas, Pulau Pinang

INFO

GrabCar

Grab Malaysia mohon maaf kes rogol penumpang

Oleh FATTAH MOHD. SAPIAI

KUALA LUMPUR – Grab Malaysia menyatakan kesediaan untuk memberi kerjasama kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi membantu siasatan berhubung insiden penumpangnya didakwa dirogol oleh pemandu Grabcar.

Ketua Pengurus Grab Malaysia, Sean Goh (**gambar**) berkata, pihaknya telah menyerahkan maklumat kepada pihak berkuasa bagi menjalankan siasatan berhubung kes berkenaan.

“Kami tidak akan bertoleransi dengan mana-mana pemandu yang melakukan jenayah ataupun salah laku terutamanya kepada pelanggan.

“Siasatan polis dijalankan dan lelaki berkenaan dibatalkan daripada menjadi



pemandu Grabcar,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sean berkata demikian bagi mengulas kejadian seorang peniaga online mendakwa menjadi mangsa rogol pemandu Grabcar malam kelmarin.

“Saya mewakili Grab Malaysia memohon maaf kerana telah mengecewakan masyarakat serta pengguna dan kami berjanji akan terus berusaha untuk meningkatkan sistem keselamatan perkhidmatan kami,” ujarnya.



Baru-baru ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Nancy Shukri berkata, Pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat bagi mengawal selia perkhidmatan Uber dan Grab menggunakan aplikasi e-hailing (e-panggilan) dijangka dibentangkan untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat pada Julai depan.

Menurut Nancy, pindaan akta itu bertujuan memastikan semua aspek operasi dan prosedur perkhidmatan Grab dan Uber berjalan lancar serta dapat dikawal selia oleh kerajaan.

Grab dan Uber menjadi saingan kepada pemandu teksi yang sedia ada kerana tambangnya lebih murah.

- Platform perkhidmatan GrabCar diasaskan oleh rakyat Malaysia, Anthony Tan
- Merupakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti teksi secara online- Sebelum ini dikenali sebagai MyTeksi
- Mula beroperasi di Lembah Klang pada 2014
- Dianggarkan 15,000 hingga 20,000 pemandu berdaftar dengan GrabCar
- Boleh diakses oleh pengguna yang ingin menjadi pemandu melalui aplikasi Playstore dan App Store
- Tambang tetap (buka pintu): RM1
- Setiap kilometer: RM1.30
- Secara asasnya harga tambang tetap meskipun pada waktu puncak